



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**16 MAC 2022**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 708 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 361,784 kes. Sebanyak lima (5) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di daerah Kota Belud dan masing-masing satu (1) kes di Penampang, Tenom serta Tuaran. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 1,222 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 333,817 orang. Manakala 753 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 571 orang di hospital, 169 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, lapan (8) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara dan lima (5) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 51 orang merangkumi 43 di ICU/repurposed kritikal *care* serta lapan (8) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 24 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Semporna bertukar dari zon merah ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Jingga satu (1) daerah
- Zon Merah 26 daerah

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

### i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Trend menurun kes harian di Sabah sejak beberapa hari terhenti apabila jumlah jangkitan baharu naik 117 kes menjadikan jumlah kes hari ini sebanyak 708 kes.
- b. Sebanyak 15 daerah mencatatkan peningkatan kes baharu dengan lima (5) daripadanya merekodkan pertambahan yang agak besar iaitu Beaufort +30 kes, Kota Kinabalu +28 kes, Penampang +28 kes, Tuaran +24 kes dan Tawau +23 kes. Sebagai peringatan, peratusan jangkitan sporadik kekal tinggi, hampir 64% daripada kes keseluruhan.
- c. Seperti yang dinyatakan sebelum ini pergerakan turun-naik jumlah kes harian di beberapa daerah seperti Kota Kinabalu, Penampang dan Tuaran banyak mempengaruhi jumlah kes harian di Sabah. Walaupun 11 daerah mencatatkan penurunan kes hari ini, tetapi penurunan tersebut adalah pada jumlah yang kecil dan tidak dapat mengimbangi jumlah penambahan kes baharu di 15 daerah khususnya di lima (5) daerah yang mencatatkan penambahan kes baharu yang tinggi.
- d. Satu (1) lagi kluster institusi pendidikan ditamatkan hari ini, iaitu Kluster Jalan Sokid di Ranau. Dengan penamatan ini masih ada 21 kluster yang masih aktif di Sabah.
- e. Sebanyak 693 atau 97.88% daripada 708 kes baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2, tiga (3) kes dalam Kategori 3, tujuh (7) kes dalam Kategori 4 dan lima (5) kes dalam Kategori 5.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	2	0.28%
2	Kontak	145	20.48%
3	Bergejala	453	63.98%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	108	15.26%
<b>JUMLAH</b>		<b>708</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (15 Mac 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Catatan Kes 15/03/2022</b>	<b>Catatan Kes 16/03/2022</b>	<b>Perbandingan</b>
1	Beaufort	17	47	+30
2	Kota Kinabalu	174	202	+28
3	Penampang	42	70	+28
4	Tuaran	46	70	+24
5	Tawau	18	41	+23
6	Tambunan	0	19	+19
7	Sipitang	18	32	+14
8	Kota Marudu	13	22	+9
3	Beluran	7	15	+8
10	Lahad Datu	6	9	+3
11	Pitas	5	7	+2
12	Tenom	17	19	+2
13	Kinabatangan	7	8	+1
14	Putatan	18	19	+1
15	Tongod	0	1	+1
16	Kalabakan	2	2	Mendatar
17	Papar	50	32	-18
18	Keningau	35	22	-13
19	Kuala Penyu	19	8	-11
20	Ranau	14	5	-9
21	Telupid	12	4	-8
22	Kota Belud	22	16	-6
23	Kudat	13	10	-3
24	Sandakan	26	23	-3
25	Nabawan	5	3	-2
26	Semporna	2	0	-2
27	Kunak	3	2	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>591</b>	<b>708</b>	<b>+117</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	39	126	0	37	202	5,520
Penampang	0	19	47	0	4	70	1,610
Tuaran	1	25	37	0	7	70	1,351
Beaufort	0	5	42	0	0	47	750
Tawau	0	3	20	0	18	41	694
Papar	0	13	18	0	1	32	1,280
Sipitang	0	4	19	0	9	32	459
Sandakan	0	0	22	0	1	23	586
Keningau	0	6	12	0	4	22	759
Kota Marudu	0	7	10	0	5	22	458
Putatan	0	0	19	0	0	19	405
Tenom	1	4	12	0	2	19	498
Tambunan	0	0	18	0	1	19	367
Kota Belud	0	2	13	0	1	16	576
Beluran	0	8	5	0	2	15	172
Kudat	0	1	8	0	1	10	255
Lahad Datu	0	0	3	0	6	9	330
Kuala Penyu	0	5	3	0	0	8	365
Kinabatangan	0	1	2	0	5	8	143
Pitas	0	0	7	0	0	7	193
Ranau	0	2	1	0	2	5	292
Telupid	0	1	3	0	0	4	139
Nabawan	0	0	3	0	0	3	133
Kunak	0	0	0	0	2	2	54
Kalabakan	0	0	2	0	0	2	69
Tongod	0	0	1	0	0	1	100
Semporna	0	0	0	0	0	0	39
<b>JUMLAH</b>	<b>2</b>	<b>145</b>	<b>453</b>	<b>0</b>	<b>108</b>	<b>708</b>	<b>17,597</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Tenom	Kluster Jalan Kem Dua	1
Tuaran	Kluster Jalan Tambalang	1
<b>Jumlah</b>		<b>2</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 3,629 unit.

- Hospital 1,608 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 1,781 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 212 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 20.75%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 16 MAC 2022

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	686
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	6
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	2
Orang Dalam Tahanan /Banduan	14
<b>Jumlah</b>	<b>708</b>

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Belanda	1
Emiriah Arab Besatu	1
Turki	1
Taiwan	1
Brunei	1
Korea Selatan	1
<b>Jumlah</b>	<b>6</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Wp Labuan	1
Sarawak	1
<b>Jumlah</b>	<b>2</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	670
Bukan Malaysia	38
<b>Jumlah</b>	<b>708</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	41
Belum Menerima Vaksin (5-11)	20
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	55
Menerima 1 Dos	23
Lengkap 2 Dos	257
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	312
<b>Jumlah</b>	<b>708</b>



iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	11
1-4	30
5 -11	39
12-17	29
18-29	167
30-39	181
40-49	122
50-59	61
60-69	36
70-79	21
80-89	9
>90	2
<b>Jumlah</b>	<b>708</b>

**C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 15 Mac 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 9,648 orang. Daripada jumlah ini, seramai 7,745 orang adalah penduduk dewasa, 103 orang adalah penduduk remaja dan 1,800 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 15 Mac 2022 adalah seramai 2,545,402 orang. Ini meliputi 2,130,504 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.43% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,404,312 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,088,247 orang atau 76.87% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 332,051 orang atau 77.91% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 316,065 atau 74.16% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 82,847 atau 20.14% orang telah menerima 1 dos vaksin.

## **D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **684,524** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS**

1 Satu (1) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan oleh PDRM seluruh Sabah.

- Satu (1) Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka

2 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 219 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 32 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan dua (2) tangkapan dibuat di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Perikana 1985, Akta Kawalan Bekalan 1961 dan di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.

3 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan

i Sebanyak 916 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.

ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 263 premis perniagaan dan 346 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun melanggar SOP Covid-19 dikeluarkan oleh DBKK.

4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 73 Premis Perniagaan melibatkan 38 anggota APM.

- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 130 anggota.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di satu (1) premis, melibatkan satu (1) buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 89 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di enam (6) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 256 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.6%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.8%
2	Beluran	98.8%
3	Kudat	98.7%
4	Kinabatangan	98.7%
5	Sipitang	98.7%
6	Keningau	98.6%
7	Tenom	98.6%
8	Lahad Datu	98.5%
9	Kota Marudu	98.5%
10	Penampang	98.5%
11	Semporna	98.5%
12	Tuaran	98.5%
13	Ranau	98.5%
14	Sandakan	98.5%
15	Papar	98.4%
16	Beaufort	98.4%
17	Tawau	98.4%
18	Kota Belud	98.4%
19	Kota Kinabalu	98.4%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**